


OKTOBER 16 - 31, 2020

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Pulau Pinang penyumbang FDI tertinggi

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**




**(Dari kiri) LOO Lee Lian, Lee Kah Choon, Ketua Menteri dan Abdul Halim Hussain menunjukkan rekod pelaburan Pulau Pinang pada sidang media di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – Pulau Pinang kekal di tangga teratas daripada segi jumlah pelaburan langsung asing (FDI) dalam sektor pembuatan bagi tempoh separuh pertama tahun 2020 (IH 2020) iaitu RM8.42 bilion.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa jumlah itu meletakkan Pulau Pinang sebagai penyumbang terbesar FDI negara untuk sektor pembuatan iaitu 47 peratus bagi tempoh tersebut.

"Bagi separuh pertama tahun 2020, FDI pembuatan utama di Pulau Pinang adalah dari Singapura, Switzerland dan Amerika Syarikat.

"Projek baru terkenal yang telah diluluskan dalam tempoh ini adalah *Ultra Clean Holdings* iaitu salah satu pembekal subsistem kritikal terbesar di dunia untuk semikonduktor dan industri pembuatan berkaitan.

"Jentera, peralatan saintifik dan pengukur serta industri elektrik dan elektronik secara kolektif merangkumi sekitar 93 peratus daripada jumlah pelaburan pembuatan yang diluluskan dari tempoh Januari hingga Jun 2020," katanya pada sidang media di sini 1 Oktober lalu.

Hadir sama, Exco Perdagangan & Industri dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain serta Pengarah investPenang (iP) merangkap Penasihat Khas Pelaburan kepada Ketua Menteri, Dato' Seri Lee Kah Choon dan Ketua Pegawai Eksekutif iP, Dato' Loo Lee Lian.

Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi menyatakan bahawa projek yang diluluskan pada enam bulan pertama tahun ini dijangka dapat menyediakan 6,971 peluang pekerjaan baru di negeri ini.

Tambah beliau, berdasarkan prestasi terkini dikeluarkan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Pulau Pinang mencatatkan aliran masuk pelaburan sebanyak RM2.02 bilion dalam sektor pembuatan bagi suku kedua tahun ini (Q2 2020) iaitu meningkat 425 peratus dari tahun ke tahun.

Menurutnya, jumlah tersebut menjadikan nilai keseluruhan pelaburan sektor pembuatan Pulau Pinang bagi separuh pertama tahun ini adalah sebanyak RM9.12 bilion.

"FDI sektor pembuatan untuk Q2 2020 (April hingga Jun) menyumbang RM1.65 bilion sementara baki RM373 juta adalah untuk pelaburan langsung domestik (DDI) dalam sektor yang sama.

"Dari tahun ke tahun, aliran masuk FDI sektor pembuatan di Pulau Pinang meningkat sebanyak 600 peratus manakala DDI pula meningkat 186 peratus pada Q2 2020," ulas Kon Yeow.

Mengulas lanjut, beliau bercaya bahawa persekitaran yang lestari, infrastruktur sokongan serta ekosistem perindustrian yang kuat merupakan antara aspek menarik minat pelabur ke Pulau Pinang.

"Adalah sangat meyakinkan untuk melihat bahawa walaupun pandemik COVID-19 melanda, diikuti dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang tempoh itu, para pelabur tetap yakin terhadap Pulau Pinang.

"Hasil ini tidak mungkin dicapai sekiranya tidak ada usaha dan kerjasama erat antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta Kerajaan Persekutuan.

"Kami amat mengalu-alukan para pelabur dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada MIDA dan *investPenang* (iP) atas kerjasama yang jitu dalam mendapatkan serta memudahkan pelaburan," katanya.

Dalam pada itu, Lee Lian menyatakan bahawa 80 peratus projek pembuatan yang diluluskan sedang dalam proses pelaksanaan.

"Salah satu cabaran terbesar kami adalah sekatan perjalanan untuk pelancong perniagaan yang mana beberapa syarikat tidak dapat masuk ke negeri ini menyebabkan projek mereka masih tertangguh," ujarnya.

**Jumlah FDI sektor pembuatan bagi lima negeri teratas pada tempoh bulan Januari - Jun 2020.**

| Negeri | Pelaburan Asing (RM juta) |
|---|---|
| Pulau Pinang | 8,422.3 |
| Johor | 2,435.5 |
| Terengganu | 1,813.9 |
| Selangor | 1,559.5 |
| Sarawak | 1,446.0 |

**(Sumber : MIDA).**

# Sisih prosedur lapuk tingkat kualiti hidup rakyat



KETUA Menteri diiringi Sr. Rozali Mohamud (berkopiah) dan Jagdeep Singh Deo (bertali leher biru) menyempurnakan acara pemeriksaan barisan bersempena Majlis Ulang Tahun Pertama Sambutan Hari Bandaraya MBSP 2020 di sini baru-baru ini.

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA -** Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan menyisihkan prosedur pengurusan lapuk dalam pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan demi meningkatkan lagi kualiti hidup penduduk di kawasan pentadbiran Seberang Perai.

Datuk Bandarnya, Dato' Sr. Rozali Mohamud melafazkan ikrar tersebut sempena ulang tahun pertama Majlis Sambutan Hari Bandaraya MBSP 2020 dengan disaksikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Turut serta di majlis yang berlangsung dekat ruang legar Menara Bandaraya MBSP di sini ialah Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo.

"Sepanjang setahun diiktiraf sebagai bandar raya, bermula 16 September 2019 hingga 19 September 2020, MBSP telah menjalankan *'Business Process Reengineering'* bagi menyisih prosedur lapuk, memendekkan proses kerja untuk mengukuhkan kedudukan kewangan, merancakkan ekonomi bandar serta meningkatkan kualiti kehidupan penduduk Seberang Perai," jelasnya disambut tepukan gemuruh para hadirin pada majlis berkaitan.

Menurut Rozali, pandemik COVID-19 yang dihadapi penduduk negeri baru-baru ini telah begitu banyak mengubah tabiat pengurusan organisasi MBSP.

Antaranya, menurut beliau, proses kelulusan dan mengeluarkan lesen serta-merta kepada pihak yang mengemukakan dokumen lengkap untuk permohonan lesen premis serta iklan (tidak berisiko).

"Selain itu, MBSP telah mengenal pasti 25 lokasi penjaja baharu tepi jalan untuk manfaat lebih 1,000 peniaga terutama daripada keluarga berpendapatan 40 peratus paling rendah (B40).

"(Sebelum COVID-19), 826 lesen penjaja telah dikeluarkan (namun) semasa pandemik COVID-19 iaitu semenjak 18 Mac 2020 (menyaksikan) peningkatan 54.97 peratus dari tahun 2019 yang mana 533 lesen penjaja telah dikeluarkan," ujarnya.



DEMONSTRASI oleh pasukan elit keselamatan 'T-Baton' MBSP.

Selepas itu, Kon Yeow ketika merasmikan acara sambutan tersebut antara lain memuji usaha-usaha pentadbiran Rozali dalam meningkatkan mutu pengurusan MBSP.

"Seiringan dengan aspirasi visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara, Kerajaan Negeri yakin bahawa pelan-pelan strategik yang telah dilancarkan sebagai agenda untuk mentransformasikan Seberang Perai sebagai Bandar Raya Rendah Karbon serta Bandar Raya Pintar berada di landasan yang tepat dan memberi momentum dengan meninggalkan impak baik serta berkualiti kepada rakyat di sini (Seberang Perai) secara khususnya," ulasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Serentak pada majlis sama, Kon Yeow diiringi Jagdeep dan Rozali turut melancarkan *Seberang Perai Circular Economy Roadmap* iaitu kerangka dasar tindakan MBSP dalam bidang pengurusan sisa pepejal bagi tempoh sedekad sehingga tahun 2030.

Bercakap kepada pemberita, Rozali memberitahu bahawa *'Seberang Perai Circular Economy Roadmap'* yang dilancar akan melibatkan tiga sektor strategik iaitu penduduk terutama B40; industri berkaitan teknologi dan bahagian penyelidikan universiti.

"Apabila berlaku pandemik COVID-19, ekonomi rakyat perlu dipulihkan kembali, oleh itu, *'roadmap'* ini disegerakan dalam bulan September 2020.

"Ekonomi bakal menjadi penyumbang kepada pertumbuhan KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) ekonomi Pulau Pinang kerana ia tidak mudah terkesan kepada ancaman ekonomi (semasa COVID-19) selain berbentuk pertanian dan penyediaan makanan.

"Sektor makanan serta sektor pertanian tidak mudah terkesan oleh ancaman ekonomi yang lain, dan sebab itu, kita (MBSP) menghala kepada ekonomi mampan dengan menjadikan ekonomi sebagai penyumbang mampan," jelasnya.

Pada majlis berkenaan, sambutan Hari Majlis Bandar Raya MBPP 2020 dimulakan dengan acara pemeriksaan perbarisan melibatkan 50 anggota Direktorat Penguatkuasaan MBPP.

Serentak itu, hadirin turut menyaksikan demonstrasi pasukan elit keselamatan baharu MBSP dikenali sebagai 'T-Baton'.

# Dr. Mohamad Farazi Pegawai Kewangan Negeri baharu

**GEORGE TOWN –** Mantan Pengarah Jabatan Pembangunan Negeri Pulau Pinang, Dato' Dr. Mohamad Farazi Johari mengangkat sumpah sebagai Pegawai Kewangan Negeri yang baru pada 23 September lalu di sini.

Lafaz ikrar sumpah simpan rahsia disempurnakan di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dengan disaksikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar dan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) serta ex-officio Kerajaan Negeri.

Mohamad Farazi sebelum ini pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) antara Jun 2016 sehingga September 2018 sebelum ke Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Pejabat Perdana Menteri sebagai Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang.

Berkelulusan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Pengurusan Projek dari *University of Stirling*, United Kingdom serta pernah menjawat jawatan Timbalan Pengarah (Pengurusan Projek) di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), pelantikan beliau adalah bagi menggantikan Dato' Sarul Bahiyah Abu yang telah bertukar ke Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Bagi pihak pentadbiran Kerajaan Negeri, Kon Yeow mengalu-alukan kehadiran Mohamad Farazi dan menzahirkan ucapan tahniah atas lantikan tersebut.



DR. Mohamad Farazi Johari.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Transformasi demi kebaikan masa depan negeri

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



**KAWASAN rekreasi sesuai untuk seisi keluarga.**



**KETUA Menteri bersama isteri serta Sr. Rozali Mohamud (dua dari kanan) dan isteri merakam gambar kenangan pada mural yang menjadi tarikan terbaru Robina Eco Park di sini.**

**TELUK AIR TAWAR -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow melapangkan masa menyertai program sembang santai bersama-sama Ahli-Ahli Majlis dan kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dekat Robina Eco Park di sini.

Ketibaan beliau disambut oleh Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud; Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmod serta ketua-ketua jabatan MBSP sebelum dibawa melihat lukisan mural hasil kreativiti artis tempatan dan merupakan tarikan terbaru di sini.

Pada kesempatan sama, Kon Yeow turut berpeluang menyantuni para pengunjung yang hadir serta meninjau beberapa kemudahan terbaru di Robina Eco Park yang siap dinaik taraf sepenuhnya pada Julai lalu dengan kos RM1.46 juta.

Beliau kemudiannya menyertai jamuan makan malam bersama-sama barisan Ahli Majlis dan kakitangan MBSP pada majlis yang berlangsung pada 12 September lalu.

Turut hadir, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin.

Kon Yeow dalam ucapan ringkas sebelum itu memberitahu bahawa Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan permohonan MBSP untuk mendapatkan peruntukan tambahan bagi menaik taraf bahagian selatan Robina Eco Park dalam Bajet 2021.

"Kita harap permohonan ini dapat diluluskan kerana projek menaik taraf Robina Eco Park merupakan projek berimpak tinggi tetapi menelan belanja yang sederhana," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow menzahirkan keyakinan terhadap masa depan negeri Pulau Pinang walaupun berdepan tempoh mencabar ekoran penularan pandemik COVID-19 yang memberi kesan kepada banyak pihak.

"Kerajaan Negeri amat yakin masa depan Pulau Pinang lebih cerah sementara negeri-negeri lain sedang bergelut dengan ketidakstabilan kerajaan.

"Kita selalu memimpin dalam usaha membawa transformasi yang dapat membawa kebaikan kepada masa depan negeri Pulau Pinang, dan diharapkan perubahan ini dapat disambut baik oleh rakyat.

"Bagi merealisasikan apa yang dirancangkan oleh Kerajaan Negeri, semestinya pihak Kerajaan Tempatan perlu memainkan peranan dalam memastikan segala yang dirancang dapat dilaksanakan sedikit demi sedikit sehingga matlamat tercapai.

"Justeru, adalah diharapkan agar Ahli-Ahli Majlis dapat juga memainkan peranan demi menyokong usaha Kerajaan Negeri bagi mencapai hasrat yang ditetapkan," serunya.

Dalam pada itu, Soon Hin yang turut berucap sebelum itu memuji komitmen tinggi ditunjukkan oleh Datuk Bandar MBSP dalam menaik taraf Robina Eco Park.

Menurut beliau, penaiktarafan kawasan rekreasi awam berkenaan dapat meningkatkan lagi kepelbagaian produk pelancongan di negeri ini.

"Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang (PTMP) yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri sememangnya merangkumi kawasan Seberang Perai sebagai fokus yang perlu diberi perhatian.

"Robina Eco Park juga antara salah satu tarikan pelancong yang dimasukkan ke dalam pelan berkaitan dalam usaha menjadikan sektor pelancongan di negeri ini lebih mampan dan lestari khususnya semasa pandemik COVID-19," jelasnya.



**ANTARA aktiviti rekreasi yang menjadi tarikan kini.**

# Wujud 100 hab kebun komuniti berkonsep pertanian bandar

**DATUK KERAMAT –** Kerajaan Negeri berhasrat untuk mewujudkan 100 hab kebun komuniti berkonsepkan pertanian bandar *(urban farming)* dalam tempoh lima tahun akan datang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa inisiatif projek *'community farming'* atau kebun komuniti dalam sektor pertanian dilihat mempunyai prospek yang sangat cerah untuk dimajukan melalui adaptasi suntikan kepakaran serta teknologi baharu.

"Melalui inisiatif kebun komuniti, adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri agar komuniti berdekatan dapat menikmati hasil tanaman dengan mudah.

"Secara tidak langsung, ia juga dapat diguna pakai untuk menjana ekonomi sosial jangka pendek kepada komuniti berdekatan dalam mewujudkan pekerjaan harian atau bulanan khasnya dalam kalangan golongan berpendapatan rendah serta yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

"Malah, saranan ini turut dipanjangkan kepada jabatan dan agensi negeri untuk menyahut cabaran melaksanakan kebun kitar di bawah seliaan masing-masing dalam usaha mewujudkan 100 hab kebun komuniti sepertimana yang dihasratkan dengan aktiviti penanaman sayur-sayuran organik berkonsepkan pertanian bandar.

"Projek yang merangkumi beberapa model seperti penanaman secara batas, *vertical aquaponic* dan mesin kompos *Economical Waste Composter* (EFWC) di PDL1 ini akan menjadi kajian perintis dan model rujukan yang boleh diguna pakai di setiap tanah poket Kerajaan Negeri yang masih belum diusahakan," ujarnya sempena Majlis Perasmian Kebun Komuniti yang berlangsung dekat



**BARISAN kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan hasil tanaman terung pada Majlis Perasmian Kebun Komuniti di sini baru-baru ini.**

Perpustakaan Digital Pulau Pinang Fasa 1 (PDL1) di sini pada 14 September lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo; Yeoh Soon Hin (Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif); S. Bharathi (Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri, CMI); Hamdan Abdul Majeed (Pengarah Urusan Think City Sdn. Bhd.) dan Prof. Madya Dr. Mohd. Zahuri Khairani (Dekan Fakulti Seni, Komputeran dan Kreatif Industri, Universiti Pendidikan Sultan Idris, UPSI).

Melalui model kolaborasi 4P (Perkongsian Awam, Swasta serta Profesional) antara CMI, Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity) dan UPSI, projek kebun komuniti di PDL1 berkenaan memperoleh pembiayaan sepenuhnya berjumlah RM35,000 daripada ThinkCity, manakala UPSI telah menyumbang kepakaran untuk membangunkan projek 100 peratus termasuk pembangunan sistem agrikultur dan sistem *Internet of Things* (IoT).

Manakala, Jabatan Pertanian Negeri telah menyumbang anak-anak benih dan anak-anak pokok bagi menjayakan kebun kitar berkenaan.

Difahamkan bahawa, bergantung kepada jumlah hasil tuaian yang diperoleh, sekitar 400 isi rumah akan menerima manfaat daripada projek ini dalam tempoh antara dua hingga tiga bulan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah, Ekonomi dan Komunikasi memberitahu bahawa dengan tanah berkeluasan kurang daripada 2,000 kp (kaki persegi) yang diusahakan, hasil tuaian yang diperoleh akan diagihkan mengikut skala 60:40 yang mana 60 peratus daripadanya akan memanfaatkan golongan isi rumah B40.

"Hasil tanaman ini akan diagihkan melalui saluran sedia ada seperti jalinan kerjasama dengan Mutiara Food Bank di Pulau Pinang serta pengagihan kepada wakil rakyat berdekatan.

"Selain itu, salah satu pendekatan menarik mengenai projek ini adalah jaminan keselamatan makanan atau *food security* dalam negeri," jelasnya.

# Program pembangunan Islam terus dilaksana

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**NORHIDAYAH** Abu Bakar dan Muhamad Nawawi Gazali merupakan antara enam individu yang menerima surat tawaran melanjutkan pengajian peringkat diploma ke Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang, dengan tajaan pengajian sepenuhnya daripada agensi negeri Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sendiri menyerahkan surat tawaran tersebut kepada semua penerima dalam Majlis Kasih Wakaf Etiqa KITAB dekat Kampung Tok Adam di sini pada 19 September 2020.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Dua, Datuk Muhamad Yusoff Mohd. Nor yang juga Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang; Rektor KITAB, Prof. Dr. Mohamad Abdul Hamid; Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali; Pengurus Besar Wakaf Pulau Pinang, Rosidi Hussain serta wakil-wakil firma insurans Etiqa Takaful.



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (kanan sekali) menyerahkan dokumen berkaitan kepada Muhamad Nawawi Gazali (berkopiah) pada Majlis Kasih Wakaf Etiqa KITAB di sini baru-baru ini.**

Ketika berucap, Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti memberitahu bahawa Kerajaan Negeri hari ini akan terus berusaha melaksanakan program-program sokongan ke arah meningkatkan lagi mutu perkhidmatan serta kualiti hidup rakyat terutama berkaitan kepentingan orang-orang Islam di Pulau Pinang.

"Di bawah Kerajaan Negeri, kita merancang untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dengan memastikan kualiti hidup rakyat di Pulau Pinang.

"Kalau ekonomi maju, negeri maju tetapi umat Islam terus menganggap diri mereka mundur, tidak wajar.

"MAINPP serta agensi negeri lain seperti KITAB, ZPP dan Wakaf (Pulau Pinang) akan terus melaksanakan pelbagai program pembelaan umat Islam, seperti pemberian biasiswa atau tajaan pengajian sepenuhnya daripada sumber zakat untuk anak-anak kita melanjutkan pengajian di peringkat diploma.

"Justeru, menerusi Khaira Ummah (iaitu wawasan pembangunan jangka panjang umat Islam selama sedekad sehingga tahun 2030 nanti), kita mahu semua pihak tinggalkan perspektif lama kononnya umat Islam dan orang-orang Melayu di Pulau Pinang terpinggir," jelasnya yang juga ADUN Pinang Tunggal.

Sebelum itu, Rosidi ketika berucap memberitahu bahawa Wakaf Pulau Pinang sebagai agensi baharu yang bernaung di bawah MAINPP akan cuba menganjurkan program secara hibrid atau bergabung dengan institusi-institusi berwajib lain demi menyemarak lagi kesedaran umat berkaitan peri penting ibadah wakaf di Pulau Pinang.

Pada majlis sama, Ahmad Zakiyuddin diiringi Amran dan Mohd. Taufek serta wakil Etiqa Takaful turut menyampaikan pek bantuan makanan kepada lebih 10 keluarga terpilih di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) berkenaan.

Sementara itu, Norhidayah, 19, antara lain turut menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri hari ini kerana menawarkan tajaan penuh selama dua tahun untuk beliau melanjutkan pengajian dalam jurusan kewangan di KITAB tidak lama lagi.

"Biasiswa yang ditawarkan dalam bentuk elaun sara diri RM400 pada tiap-tiap bulan.

"Saya adalah bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Permatang Tok Labu memang begitu minat subjek kewangan ini.

"Saya berasa begitu bersyukur kepada Ilahi dan terima kasih kepada kerajaan sebab diberi peluang melanjutkan pengajian dengan tajaan bantuan pendidikan sebegini," ulasnya.

Muhamad Nawawi, 18, turut merakamkan penghargaan kepada KITAB dan ZPP kerana memberi peluang kepadanya untuk melanjutkan pengajian peringkat diploma dalam tahfiz Al-Quran, selama tiga tahun.

"Alhamdulillah, apabila ada bantuan tajaan ini, berasa tidak berat sikit keluarga nak tanggung kos pengajian saya nanti.

"Saya sangat gembira kerana dapat dua peluang ini (iaitu melanjutkan pengajian ke KITAB dan dapat tajaan elaun pengajian ZPP)," ujarnya yang juga bekas murid Maahad Tahfiz Sirajul Quran, Seberang Jaya.

## Insentif bangunan hijau GBI bakal diperluas

**GEORGE TOWN** - Bahagian pulau sehingga kini mempunyai 57 bangunan yang mendapat pengiktirafan Indeks Bangunan Hijau (GBI), sungguhpun Pulau Pinang dikatakan sebagai negeri mempunyai struktur bangunan bertingkat paling padat dalam negara.

Mengulas lanjut, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa penerapan ciri-ciri GBI pada bangunan-bangunan baharu dan sedia ada akan diperluaskan lagi dengan pemberian pelbagai insentif galakan kepada pihak-pihak berkepentingan.

Langkah itu, menurut beliau, adalah selari dengan moto Kerajaan Negeri iaitu 'Pulau Pinang Bersih, Hijau, Pintar, Sihat dan Selamat' serta akan mempercepatkan lagi usaha memburu pengiktirafan status negeri hijau pertama negara pada masa hadapan.

"Sebagai negeri pertama yang mempunyai aspirasi 'negeri hijau', maka kita (Kerajaan Negeri) galak sepenuhnya supaya bangunan-bangunan baharu menjadi bangunan hijau serta sudah tentu ingin diterapkan pada bangunan-bangunan lama juga.

"Dalam apa jua keadaan, kita (Kerajaan Negeri) akan memikirkan bagaimana untuk memberikan insentif kepada pemaju serta pengusaha yang berbuat sedemikian," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat sejurus Istiadat Majlis Angkat Sumpah dan Melafazkan Ikrar Terima Jawatan oleh dua Ahli Majlis baharu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di sini pada 8 September 2020.

Di samping itu, Jagdeep memberitahu bahawa insentif-insentif galakan serta garis panduan GBI bagi projek pembinaan bangunan baharu serta perancangan bandar-bandar baharu negeri akan diperluaskan sepenuhnya seperti Batu Kawan.

"Sistem seperti GBI, yang mana kita (Kerajaan Negeri) galakan di kawasan pembangunan baharu seperti Batu Kawan dan sebagainya.

"Kita galakan semua bangunan baharu mematuhi (kriteria-kriteria) GBI.

"Dengan adanya undang-undang, dengan apa cara pun mereka (para pemaju dan pemilik bangunan) perlu ada ciri-ciri yang minimum, yang akan kita lihat pencapaian bangunan (supaya) lebih bercirikan hijau," ujarnya.

## *Eden at Botanica.CT*, Pulau Pinang sebagai pilihan pesara serta warga emas

**PULAU TIKUS** - Tidak lama lagi Pulau Pinang mungkin akan menjadi negeri pilihan untuk pesara serta warga emas, apabila projek *Eden at Botanica.CT* yang menelan belanja kira-kira RM180 juta siap sepenuhnya di Balik Pulau.

Bercakap kepada pemberita, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo memberitahu bahawa projek perumahan bersepadu dengan kelengkapan kemudahan jagaan kesihatan yang diperlukan oleh warga emas sebegitu sebenarnya telah wujud di negara maju seperti Australia, juga di negeri Sarawak.

Namun, menurut beliau, di negara ini termasuk Pulau Pinang masih belum ada garis panduan khusus bagi projek perintis yang dihasratkan oleh dua firma swasta, Eden-On-The-Park Sdn. Bhd. (Eden-On-The-Park) dan Botanica Hills Sdn. Bhd. (Botanica Hills) iaitu anak syarikat Kumpulan MTT.

Justeru, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat berkata bahawa Kerajaan Negeri akan melihat model bandar penempatan khusus untuk warga emas yang telah sedia ada serta aspek perundangan berwajib terlebih dahulu, ketika berbincang dengan kedua-dua pihak firma berkenaan.

"Projek ini masih dalam proses perancangan dan perjanjian usahasama yang telah disaksikan secara asasnya melibatkan dua pihak (bukan kerajaan).

"Pastinya (permohonan pelan kebenaran merancang bagi projek ini) masih belum diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan kita akan terus berbincang dengan pihak berkaitan mengenai projek perintis ini," jelasnya dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow selepas menyaksikan acara menandatangani perjanjian usahasama projek tersebut di sini pada 22 September 2020.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail turut menyaksikan acara menandatangani perjanjian usahasama tersebut antara Pengarah Eksekutif Kumpulan MTT, Datuk Seri Kenny Ong dan Pengarah Urusan Eden-On-The-Park, Victor Fong.

Difahamkan, Eden-On-Te-Park telah menjalankan operasi sebuah pusat jagaan kesihatan di Kuching, Sarawak.

Susulan itu, Eden-On-The-Park dan Botanica Hills berhasrat untuk saling bekerjasama memajukan projek *Eden at Botanica.CT* yang terdiri daripada projek pembangunan bersepadu seperti unit kediaman vila serta dua blok kondominium dengan kelengkapan jagaan kesihatan khusus untuk warga emas dan pesara.

Sebelum itu, Kon Yeow ketika berucap menyifatkan RM180 juta pelaburan domestik bagi projek *Eden at Botanica.CT* tersebut adalah sebagai simbol keyakinan terhadap masa depan Pulau Pinang khususnya Balik Pulau.

"Dalam dekad yang akan datang, jumlah penduduk Pulau Pinang yang berumur lebih daripada 60 tahun, termasuk saya, adalah hampir dua kali ganda, menambahkan lagi beban kepada perkhidmatan kesihatan kita serta meningkatkan permintaan untuk penjagaan orang tua.

"(Justeru,) projek ini adalah contoh yang baik daripada organisasi korporat yang mempunyai perhatian terhadap perkembangan semasa (untuk memenuhi) keperluan masa depan serta bersedia untuk mengambil langkah proaktif ke arah perubahan sosial yang lebih bagus.

"Saya memuji rakan JV *(joint venture)* atas dedikasi dan komitmen anda dalam hal ini," ulasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Di samping itu, Kon Yeow turut menyifatkan usaha kedua-dua firma korporat tersebut adalah menepati gagasan pembangunan masa depan negeri sehingga tahun 2030 iaitu visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

"Dalam merealisasikan visi Penang2030, saya menggesa entiti korporat lain untuk memimpin dalam membawa kembali kepada masyarakat kita agar Pulau Pinang mengekalkan nilai untuk kebaikan rakyat, yang tua dan yang muda," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

# Induksi Khaira Ummah 2030 capai tujuh resolusi

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**SEBERANG JAYA –** Induksi Khaira Ummah 2030 berjaya mencapai tujuh resolusi untuk tindakan semua pihak berkepentingan dalam membangunkan umat di negeri ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa tujuh resolusi yang dicapai tersebut mengandungi elemen-elemen yang memberikan peranan kepada ibu bapa, remaja dan ekonomi dalam meningkatkan status umat untuk menghadapi tahun 2030.

"Nampaknya, semua (pemegang taruh) juga bersetuju tentang peranan masjid dalam menyediakan umat terbaik untuk kita menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan.

"InsyaAllah dengan bantuan semua pihak, kita cuba untuk mencapai sasaran-sasaran yang telah kita kenal pasti.

"Segala idea yang dikemukakan memberi banyak panduan kepada kami (pengurusan Hal Ehwal Agama Islam) dalam memacu semua aktiviti berkaitan serta pentadbiran umat Islam supaya kita bergerak dan mencapai Khaira Ummah 2030.

"Alhamdulillah… kita menyelesaikan bengkel ini dengan menyediakan 'Blueprint Ummah 2030' yang bersandarkan kepada visi Penang2030," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti semasa menyampaikan amanat penangguhan Induksi Khaira Ummah 2030 di sini 21 September lalu.

Difahamkan, lebih 100 pemegang taruh mengambil bahagian dalam bengkel berkaitan yang bermatlamat untuk mencari idea bagi merangka pembangunan jangka masa panjang umat Islam selama 10 tahun atau satu dekad sehingga tahun 2030.

Antara resolusi yang dicapai adalah melahirkan generasi Khaira Ummah (sebaik-baik umat) untuk Pulau Pinang menjelang tahun 2030 selain menjayakan lima teras utama yang mendokong pelan pembangunan sedekad Khaira Ummah 2030 serta menjadikan ilmu sebagai teras dalam keutuhan ummah.

Di samping itu, semua pemegang taruh xjuga perlu menunjukkan iltizam bagi menyatakan semua entiti ekonomi dalam membina kebajikan umat serta mengembalikan peranan ibu bapa dalam menjayakan Khaira Ummah.

Turut terkandung dalam tujuh resolusi tersebut adalah mengiktiraf peranan dan sumbangan anak muda sebagai tunjang Khaira Ummah 2030 serta mengangkat martabat masjid sebagai pusat pembangunan ummah menjelang tahun 2030 nanti.

Terdahulu, semasa bercakap kepada Buletin Mutiara, Ahmad Zakiyuddin menjelaskan bahawa Khaira Ummah 2030 menggariskan lima teras pembangunan untuk menggerakkan pembangunan ummah iaitu Hikmah, Ekonomi, Baiti Jannati, Anak Muda dan Tarbiyah atau H.E.B.A.T (secara akronimnya).

## 180km laluan berbasikal dipasang lampu solar



JAGDEEP Singh Deo.

**GEORGE TOWN –** Sepanjang 180 kilometer (km) laluan berbasikal di bahagian pulau akan dipasang lampu dilengkapi sistem solar tidak lama lagi, melalui kaedah perkongsian awam swasta (PPP) dan projek-projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) melibatkan pihak swasta.

Bercakap kepada pemberita, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo memberitahu bahawa dalam masa terdekat projek pemasangan sistem solar akan dilaksanakan di *'spiral bridge'* atau lebih dikenali sebagai Jambatan Harapan dekat pusat membeli-belah Queensbay, Pantai Jerejak.

Projek tersebut, menurut beliau, merupakan salah satu daripada 60 inisiatif pintar merealisasikan misi Kerajaan Negeri iaitu 'Pulau Pinang Bersih, Hijau, Pintar, Sihat dan Selamat' sejajar visi Penang2030.

"Jambatan Harapan ini merupakan salah satu bahagian daripada 180km laluan berbasikal yang bakal dijadikan sebagai projek perintis, selain itu, ia turut akan melibatkan beberapa kawasan lain juga.

"(Pemasangan sistem solar di Jambatan Harapan) ini merupakan salah satu daripada 60 inisiatif pintar yanag bakal direalisasikan di Pulau Pinang," jelasnya di sini pada 8 September 2020.

Ketika berucap, Jagdeep memberitahu bahawa Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi pemasangan panel solar di tiga bangunan milik pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

"Kita sudah menandatangani perjanjian persefahaman dengan TNB yang mana mereka telah kenal pasti sekurang-kurangnya tiga bangunan di MBSP, salah satu telah dipasang sistem solar iaitu Stadium Mini MBSP dekat Jalan Betek.

"Selepas ini, saya akan menjemput mereka (TNB) ke bahagian pulau juga untuk pelaksanaan inisiatif pintar di bangunan-bangunan milik Majlis (MBPP)," ujarnya.




# Pemerkasaan wanita terus diberi penekanan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, wakil-wakil penganjur dan para peserta merakam gambar kenangan bersempena penganjuran Bengkel Persediaan Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 di sini baru-baru ini.**

**PANTAI JEREJAK –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus memberikan penekanan terhadap agenda pemerkasaan wanita khususnya pendekatan yang diambil dalam penjenamaan semula portfolio barisan Exco sebagaimana diumumkan baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa agenda memperkasakan wanita termasuk keterangkuman gender akan terus menjadi sebahagian daripada dasar penting di negeri ini melalui portfolio Pembangunan Sosial.

"Saya percaya Pulau Pinang merupakan negeri yang memandang serius terhadap agenda ini kerana jika dilihat kepada kebanyakan negara di seluruh dunia, bukan semuanya mengamalkan dasar atau perspektif pembangunan melalui dasar keterangkuman gender.

"Jadi, kita (Pulau Pinang) seharusnya berasa bangga kerana kita (Kerajaan Negeri) banyak didorong oleh pucuk pimpinan wanita di negeri ini yang sentiasa membawa isu-isu ke peringkat negeri.

"Bagaimanapun, hasilnya bukan mudah untuk dicapai kerana ia memerlukan perjuangan yang panjang, ini termasuk membawa kepada usaha Kerajaan Negeri mewujudkan portfolio khusus iaitu Keterangkuman Gender pada 2018 yang kini dijenama serta dirangkumkan di bawah Pembangunan Sosial," katanya pada sesi dialog berhubung pendirian Pulau Pinang mengenai keterangkuman gender bersempena penganjuran Bengkel Persediaan Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 di sini 26 September lalu.

Turut hadir, Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng; Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin; barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani; Ali Lembaga Pengarah PWDC, Datuk Rohana Abdul Ghani serta Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menekankan bahawa penganjuran Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 juga merupakan sebahagian daripada perjuangan agenda keterangkuman gender termasuk memperkasakan penglibatan dan perwakilan wanita di kedudukan pembuat dasar.

"Sebagai pembuat keputusan sama ada dalam parti politik mahupun kerajaan, hasrat kita adalah mahu membuka lebih banyak peluang kepada golongan wanita, bagaimanapun di peringkat mencungkil bakat atau meyakinkan wanita untuk tampil ke hadapan masih lagi menjadi satu cabaran yang besar.

"Justeru, Pulau Pinang menampilkan pelbagai program, selain telah melepasi garis permulaan dalam perjuangan memperkasakan wanita bagi mengisi kedudukan dalam proses pembuat dasar di negeri ini," ulasnya.

Dalam pada itu, Chong Eng yang juga Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah PWDC dalam ucapan aluan sebelum itu menyatakan bahawa ADUN wanita di Pulau Pinang hanya merangkumi 15 peratus iaitu enam orang sahaja daripada jumlah keseluruhan 40 ADUN.

Selain itu, beliau turut menyatakan bahawa peratusan perwakilan wanita di Dewan Rakyat pula dalam lingkungan sama iaitu 14.9 peratus, yang dilihat masih jauh untuk mencapai sasaran 30 peratus seperti ditetapkan.

"Kekurangan perwakilan wanita yang ketara dalam penggubalan dasar serta undang-undang akan menyebabkan isu-isu serta keperluan wanita tidak disuarakan seperti pusat jagaan kanak-kanak, peruntukan, keganasan berasaskan gender serta banyak lagi.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tampil dengan Sidang Wanita bermatlamat membina bakat pimpinan wanita sebagai pembuat keputusan yang mampu membela hak wanita dan kanak-kanak, menggubal undang-undang seksual serta memperjuangkan kesaksamaan gender," tegasnya.

Terdahulu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama PWDC buat julung kalinya menganjurkan Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) khas untuk wanita pada Oktober 2020.

Program tersebut dirangka khusus untuk mencungkil bakat para wanita daripada pelbagai latar belakang serta diberikan pendedahan berkaitan tugas wakil rakyat.

Difahamkan, seramai 40 peserta wanita akan dipilih melalui tapisan terperinci untuk diberikan peranan sebagai wakil rakyat bagi membawa dan membahaskan isu-isu di kawasan DUN masing-masing.

# Jelapang padi tertua wilayah utara tarikan pelancong

**PENANTI –** Selepas mencipta fenomena melalui acara Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang, Kampung Terus dekat sini tetap menjadi tumpuan pelancong dengan penganjuran aktiviti riadah santai pada setiap hujung minggu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin memberitahu bahawa pelbagai program dirangka bagi menghidupkan suasana dekat Kampung Terus yang merupakan kawasan jelapang padi tertua di wilayah utara.

"Pada Julai lalu, kita lancarkan program makan sarapan secara santai dan percuma pada awal pagi yang diadakan setiap hari Ahad.

"(Dan) kali ini pula, kita adakan program Riadah Ukhuwah serta Kayuhan Santai Ukhuwah anjuran Guar Perahu Cycling Club (GPCC) dengan kerjasama Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq Taman Guar Perahu.

"Pelbagai program yang diadakan ini adalah untuk menghidupkan suasana Kampung Terus yang merupakan kawasan ekopelancongan menarik dekat Seberang Perai di samping mengekalkan tarikan sawah padi tertua ini.

"Selain itu, pengunjung yang datang ke sini juga dapat melihat dan berswafoto dengan arca-arca padi yang dihasilkan penduduk setempat," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara selepas merasmikan program berkaitan 6 September lalu.

Difahamkan, penganjuran program Kayuhan Santai Ukhuwah turut dimeriahkan dengan pelbagai acara seperti senaman zumba serta cabutan bertuah, dan berjaya menarik kehadiran kira-kira 356 peserta.

Dalam perkembangan berkaitan, Norlela yang juga Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan memberitahu bahawa Kerajaan Negeri juga bersetuju menyumbangkan sebuah bot penumpang bagi menggalakkan lagi aktiviti ekopelancongan di kawasan berkaitan.

"Bot penumpang dengan 25 tempat duduk akan ditempatkan di Jeti Kampung Terus dan diuruskan oleh Koperasi Ibu Tunggal dan Wanita serta Kelab Nelayan untuk membolehkan pelancong menelusuri sungai menikmati pemandangan menarik di sini," ujarnya.

Terdahulu, penganjuran Pesta Padi Pulau Pinang yang memasuki siri kedua pada tahun lepas mendapat pengiktirafan sulung iaitu anugerah *Malaysia Landscape Architecture Award (MLAA) 2019*.

Walau bagaimanapun, penganjuran pesta tahunan selama dua hari itu yang berjaya menarik ratusan ribu pengunjung itu terpaksa dibatalkan pada tahun ini ekoran berlakunya penularan pandemik COVID-19.



**SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian dalam penganjuran program Riadah Ukhuwah serta Kayuhan Santai Ukhuwah di sini baru-baru ini.**



**PEMANDANGAN di Kampung Terus.**



# Normal baharu, Pasar Malam Rabu Balik Pulau harap pulih pendapatan peniaga



MOHD. Tuah Ismail (barisan depan, berkemeja biru) mengadakan lawatan ke salah sebuah gerai pada sesi turun padang pemantauan SOP PKPP dekat Pasar Malam Rabu, Jalan Pondok Upeh di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**PULAU BETONG –** Pasar Malam Hari Rabu dekat Jalan Pondok Upeh, Balik Pulau yang tidak beroperasi sejak 18 Mac 2020 susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dibuka semula dalam suasana normal baharu pada 9 September lalu.

Baik anggota Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Simpang Empat mahupun para peniaga hatta pengunjung, masing-masing kelihatan lengkap memakai pelitup muka serta saling memastikan penjarakan fizikal 1 meter (m) antara satu sama lain diamalkan.

Bercakap kepada pemberita, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail menasihatkan ketiga-tiga pihak berkepentingan supaya kekal mematuhi semua prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang digariskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) selaku pihak berkuasa tempatan (PBT) bertanggungjawab.

"Selepas membuat pemantauan sendiri, saya berpuas hati kerana tiap-tiap orang yang masuk ke Pasar Malam Rabu ini diperiksa suhu badan terlebih dahulu, dengan ada had pengunjung pada satu-satu masa di sini.

"Oleh kerana kita berada dalam normal baharu, pada minggu seterusnya, mungkin kita boleh meminta peniaga-peniaga makanan memakai apron serta penutup kepala umpamanya.

"Secara umum, saya lihat suasana pada petang ini tetap meriah walaupun dalam normal baharu," jelasnya sejurus mengadakan tinjauan di sini pada 9 September lalu.

Manakala bagi Pembantu Kesihatan Awam, Bahagian Pelesenan MBPP, **AHMAD TAUFIQ MOHAMMAD** pula memberitahu bahawa sehingga 9 September 2020, kira-kira 40 peratus pasar malam kembali beroperasi dalam normal baharu.

"Paling penting, MBPP ingin memantau daripada segi penjarakan fizikal 1m diamalkan atau tidak, kerana ini komitmen penganjur untuk memastikan amalan itu dilaksanakan.

"Kemudian, kita nak lihat pengendali makanan sama ada memakai topi dan apron atau tidak, maka sekali lagi penganjur dan Persatuan Peniaga-Peniaga Pasar Malam Pulau Pinang (PPPMPP) perlu memainkan peranan penting dalam aspek ini.

"Jadi, tiap-tiap pasar malam, memang ada pegawai MBPP akan turut menjalankan aktiviti pemantauan…umumnya di sini semua pihak ikut SOP yang MBPP tetapkan," katanya.

Dalam pada itu, Timbalan Yang Dipertua PPPMPP, Anuar Awang menyatakan bahawa pihaknya memuji kerjasama yang diberikan oleh MPKK Simpang Empat dalam usaha membuka semula operasi pasar malam tersebut.

"Sebelum PKP dan pasca PKP memang berbeza, iaitu pengunjung tidak boleh lagi bersesak di meja makan seperti dahulu.

"Walaupun pendapatan penjaja berkurangan ketika PKPP, tetapi kita harap kemeriahan pasar malam dalam normal baharu dapat memulihkan pendapatan para peniaga.

"Jadi, saya sangat berharap MBPP dan penganjur dapat membantu kita untuk memastikan semua pihak yang berada dalam kawasan pasar malam ini patuh semua SOP," tegasnya sambil merakamkan penghargaan kepada Mohd. Tuah kerana turut turun padang pada hari pertama operasi pasar malam tersebut.

Turut serta, Ahli Majlis MBPP, Tan Chiew Choon dan Pengerusi MPKK Simpang Empat, Mohd Majdan Nut Jamudin.

Sebelum itu, rata-rata peniaga mengharapkan dengan pembukaan pasar malam, ia dapat memulihkan kembali sumber pendapatan mereka.

Salah seorang peniaga, **MUHAIMY ABD. SAMAD**, 31, berkata kepada Buletin Mutiara bahawa beliau berharap pengunjung dapat berbelanja lebih di pasar malam.

"Pendapatan peniaga adalah harian, apabila PKP dilaksanakan, pendapatan kami terjejas teruk.

"Tetapi, mujurlah ada insentif dan bantuan kewangan daripada Kerajaan dan PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) serta Zakat (Pulau Pinang).

"Jadi, sebab lama sangat tiada pasar malam, saya harap pengunjung boleh riang berbelanja lebih di pasar malam," maklumnya.

Nada yang sama turut dikongsi oleh penjual buah pisang, **FAIZAL MAT DAUD**, 30-an.

"Saya pakai e-dompet sejak mula PKP, ia sangat membantu, dan pada petang ini pun saya sediakan kemudahan ini sebab normal baharu mungkin ramai dah tak bawa duit tunai ketika buat transaksi.

"Alhamdulillah, dapat berniaga kembali di pasar malam, dan saya harap pelanggan-pelanggan setia saya boleh kembali ke pasar malam ini seperti dahulu (sebelum PKP)," kongsinya.

Selain itu, salah seorang pengunjung, **SITI ZUBAIDAH MD. SAAD**, 25, memberitahu bahawa beliau menyambut baik penerapan normal baharu dalam penganjuran pasar malam Rabu di sini.

"Tentulah saya rindu kerana sejak PKP, telah lama tiada pasar malam dibuka di sini.

"Petang ini saya datang kerana rindu nak makan bakso, dan membeli bungkusan bihun sup serta lontong untuk dibawa pulang ke rumah," ulasnya.

Seorang lagi pengunjung yang mahu dikenali sebagai 'Rosnita' menzahirkan rasa gembira kerana akhirnya pasar malam lokal dibuka semula.

"Saya singgah pada petang ini sebab telah lama tiada pasar malam di Jalan Pondok Upeh.

"Harga sayur-sayuran, buah-buahan dan ikan sekarang masih berpatutan walaupun pasca PKP.

"Patuh SOP, dan paling penting kita kena saling berwaspada supaya dapat cegah virus COVID-19 daripada terus merebak di negeri ini umumnya…dan di pasar malam ini khususnya," serunya.



SITI Zubaidah Md. Saad.



AHMAD Taufiq Mohammad.



FAIZAL Mat Daud.



MUHAIMY Abd. Samad.



ROSNITA.

# Pulau Pinang perlu mempunyai pusat R&D sendiri



ABDUL Halim Hussain.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**DATO'** Abdul Halim Hussain menyifatkan antara cabaran besar yang bakal dihadapi beliau sebagai Exco Perdagangan & Industri Dan Pembangunan Keusahawanan adalah untuk terus merangsang momentum ekonomi negeri agar kekal kukuh pada situasi kritikal penularan pandemik COVID-19 kini.

Menurutnya, walaupun Pulau Pinang mencatatkan pelaburan yang diluluskan bernilai RM7.1 bilion pada suku pertama (Q1) 2020, namun perebakan wabak COVID-19 di seluruh dunia merupakan cabaran besar yang sedikit-sebanyak memberi impak terhadap ekonomi negeri.

"Sebanyak 90 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) Pulau Pinang adalah melibatkan sektor industri yang mana pelaburan diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) ke Pulau Pinang pada tahun 2018 mencatatkan RM5.8 bilion dan RM16.9 bilion (2019).

"Dalam situasi kini, cabarannya adalah bagaimana industri boleh terus bergerak, masih ada peluang pekerjaan dan teruskan rangsangan ekonomi?

"Sejak dari tahun 2018, semua bercakap tentang kepentingan Revolusi Industri 4.0 iaitu meningkatkan kecekapan, bangun serta menyediakan bakat ke arah robotik, automasi, sains komputer dan pelbagai lagi. Tahun lalu (2019), kebanyakan daripada industri telah bergerak ke arah seruan ini dengan jangkaan 2020 merupakan tahun terbaik untuk Pulau Pinang mencapai kadar pertumbuhan tertinggi, tetapi COVID-19 telah memperlahankan perkembangan ini.

"Walau bagaimanapun, kita percaya jumlah keseluruhan GDP untuk Pulau Pinang masih akan kekal dua digit sebagaimana yang dicatatkan pada Q1 (RM7.1 bilion)," ujar beliau ketika ditemu bual Buletin Mutiara baru-baru ini.

## Perdagangan dan usahawan

Bagi memacu perdagangan domestik untuk terus kekal kukuh, Kerajaan Negeri pada Jun lalu difahamkan telah menjalinkan kerjasama dengan platform e-dagang nombor satu di Malaysia iaitu *Shopee*.

Suntikan dana sejumlah RM500,000 diperuntukkan bagi membantu melonjakkan produk peniaga tempatan yang didagangkan melalui platform tersebut.

Menurut Abdul Halim, sehingga 15 September 2020, kiosk *'Penang e-Mall'* kini mempunyai seramai 5,466 peniaga tempatan (warganegeri) berdaftar.

"Peniaga hanya perlu berdaftar dengan *Shopee* untuk memasarkan produk mereka, dana ini, kita (Kerajaan Negeri) tidak berikan sekaligus tetapi secara berfasa iaitu RM50,000 setiap bulan kepada *Shopee* sejak Jun lalu.

"Melalui dana ini, *Shopee* akan memberikan diskaun berbentuk baucar dan juga penghantaran secara percuma bagi setiap belian produk daripada peniaga berdaftar.

"Kita akan terus menjalinkan kerjasama dengan platform e-dagang yang lain juga seperti *Lazada* dan *PG Mall*," maklum beliau.

Selain itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Usahawan juga giat memberikan latihan pemasaran digital yang mana pada tahun lalu (2019), sejumlah 1,060 usahawan telah dilatih.

"Tahun ini, disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), setakat ini kita baru melatih 450 usahawan melalui tiga siri bengkel yang dijalankan.

"Latihan ini adalah sebagai galakan dan persediaan kepada para usahawan untuk melakukan jualan secara dalam talian… ini kerana platform digital semakin penting dan diterima pakai kini," jelasnya.

## Industri

Adalah menjadi tugas besar dan mencabar bagi mengekalkan status Pulau Pinang sebagai 'Lembah Silikon Timur'. Bagaimanapun, Perang Dagang Amerika Syarikat (AS) dan China sejak beberapa bulan lalu dilihat memberi sedikit manfaat kepada ekonomi negeri.

Abdul Halim menjelaskan bahawa disebabkan perang dagang tersebut, banyak pelaburan yang masuk ke Malaysia dan Pulau Pinang khususnya.

"Malah, manfaat pelaburan yang kita terima bukan sahaja disebabkan Perang Dagang AS dan China tetapi juga melibatkan Perang Dagang Eropah dan Amerika.

"Justeru, (Pulau Pinang) perlu lebih bersiap-siaga dalam mempersediakan bakat yang diperlukan industri kerana kita tidak mahu penghijrahan bakat keluar dan akhirnya merugikan negeri, sebaliknya kita mahu mereka kekal berkhidmat di sini dengan mencurahkan idea serta kepakaran masing-masing," tegasnya sambil memberitahu bahawa bakat anak negeri boleh ditemui di mana-mana terutamanya di negara Singapura, China dan AS.

Dalam pada itu, Abdul Halim turut berpandangan bahawa industri perubatan, aeroangkasa, *Internet of Things* (IoT), pertahanan dan keretapi mempunyai potensi pertumbuhan tinggi untuk diceburi selain sektor elektrik dan elektronik (E&E) yang menjadi sumber kekuatan ekonomi negeri.

## Harapan dan perancangan

Disoal mengenai perancangan beliau, Abdul Halim memaklumkan bahawa untuk menjadi sebuah negeri yang lebih maju serta membangun, Pulau Pinang perlu mempunyai pusat penyelidikan dan pembangunannya (R&D) sendiri.

Menyedari kekangan untuk membangunkan pusat tersebut yang sekurang-kurangnya menelan belanja RM15 juta, kebanyakan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tidak mampu melaksanakannya.

Justeru, Abdul Halim memaklumkan bahawa beliau akan mengutarakan cadangan pembangunan tersebut kepada pihak Kerajaan Negeri.

"Pulau Pinang sememangnya memerlukan pusat R&D untuk membantu IKS kerana golongan berkaitan sememangnya tidak mampu membangunkannya ekoran kos pembangunan yang tinggi… pusat R&D ini biasanya dimiliki oleh syarikat-syarikat besar.

"Di peringkat Persekutuan telah ada inisiatif sebegini, dan dalam situasi ini, Kerajaan Negeri sememangnya perlu membantu kerana kita tidak ada bakat dalam R&D, cuma ia (R&D) selalunya dikawal oleh syarikat multinasional," ulasnya.

Berkongsi harapan, Abdul Halim memaklumkan bahawa beliau hanya ingin melihat setiap industri lebih berkembang di peringkat negeri hingga rantaian global.

"Saya akan meletakkan KPI (Petunjuk Prestasi Utama) untuk setiap industri sedia ada seperti mikro dengan jumlah perolehan purata setahun RM300,000, kecil (RM300,000 hingga RM15 juta) dan medium (RM15 juta hingga RM50 juta) untuk berkembang.

"Kita ingin lihat syarikat lokal berkembang ke peringkat global iaitu adalah ditegaskan bahawa sebenarnya Pulau Pinang mempunyai tidak kurang daripada lapan syarikat lokal yang telah menembusi pasaran global seperti *Inari, Vitrox* dan *Globetronics*.

"Malah, turut menjadi harapan saya adalah untuk melihat Pulau Pinang menguasai OBM *(Original Brand Manufacture)* suatu hari nanti… (Pulau Pinang) dulu di peringkat OEM *(Original Equipment Manufacture)* dan kini ODM *(Original Design Manufacture)*," katanya.

# Penjenamaan tumpuan lebih jelas selaras Visi Penang2030

**TIMBALAN** Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman menegaskan bahawa tanggungjawab portfolio Exco Hal Ehwal Agama, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti yang dijenamakan semula baru-baru ini merupakan cabang tugas serupa tetapi memberikan tumpuan lebih jelas selaras visi Penang2030.

Beliau berkata, amanah yang diberikan Ketua Menteri itu akan dijalankan sebaik mungkin bagi memastikan skop Penang2030 iaitu memperkasakan rakyat bagi meningkatkan penyertaan masyarakat dapat menonjolkan peranan serta penglibatan warganegeri khususnya.

"Secara dasarnya, peranan ini masih sama dan penjenamaan semula ini menunjukkan lebih tumpuan selaras dengan visi Penang2030 di bawah portfolio pemerkasaan komuniti.

"Jika dahulu perhubungan masyarakat diurus oleh Jabatan Perpaduan Negara iaitu bawah Jabatan Perdana Menteri, tetapi kini di peringkat Persekutuan telah diasingkan kepada Kementerian Perpaduan Negara, jadi mudahlah untuk menyelaraskan program-program melibatkan perhubungan masyarakat di peringkat negeri.

"Justeru, maka elok sangatlah di peringkat negeri ia juga dijenamakan semula untuk menunjukkan kepentingan perpaduan dalam memperkasakan komuniti," jelasnya pada sesi temu bual khas bersama-sama Buletin Mutiara baru-baru ini.

Selaku exco bertanggungjawab dalam pemerkasaan komuniti, Ahmad Zakiyuddin berpendapat bahawa masyarakat hari ini seharusnya cakna terhadap komuniti dan apa yang berlaku di sekeliling mereka.

Jelas beliau, kesan daripada penularan pandemik COVID-19 kini, masyarakat pada keseluruhannya faham situasi yang berlaku dan mereka cuba untuk menyesuaikan kehidupan serta aktiviti keperluan masing-masing dengan normal baharu tersebut.

"Peranan badan-badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persatuan dan agensi dalam membantu mereka yang terkesan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu telah melahirkan satu kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk menolong antara satu sama lain.

"Walaupun kempen #kitajagakita giat dilaungkan, tetapi pada masa sama, semua pihak juga perlu cakna serta peka akan kebajikan orang di sekeliling mereka.

"Hubungan dengan masyarakat kini menjadi semakin penting, lihatlah di sekeliling kita supaya tidak ada masyarakat yang tertekan, terkesan atau tidak mendapat pembelaan… di sini pentingnya hubungan komuniti, malah, usaha untuk menggalakkan lebih ramai sukarelawan dalam menyumbangkan tenaga dan bantuan bakal mengukuhkan lagi perpaduan komuniti serta masyarakat," ulasnya yang berhasrat untuk menggerakkan lebih ramai golongan berkaitan dalam kalangan institusi sedia ada seperti Pasukan Bomba dan Penyelamat dan juga masjid.

## Koperasi

Menurut Ahmad Zakiyuddin, definisi koperasi bukan hanya perniagaan semata-mata, tetapi lebih kepada untuk berkongsi kepentingan secara bersama melalui penggunaan modal.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa koperasi merupakan medium pengupayaan komuniti, dan adalah menjadi hasratnya untuk mengupaya serta memperkasakan koperasi di peringkat komuniti melibatkan sesuatu kumpulan seperti kampung, nelayan, peladang atau sebagainya ke peringkat yang lebih berjaya.

"Sebenarnya portfolio yang telah dijenamakan semula ini mempunyai kesalinghubungan yang mana koperasi yang dahulunya diletakkan di bawah tanggungjawab Dato' Abdul Halim Hussain kini telah disesuaikan dengan pemerkasaan komuniti di bawah saya.

"Di Pulau Pinang, kita mempunyai lebih daripada 400 koperasi keseluruhannya yang mana untuk Koperasi Kariah Masjid sahaja ada 42 yang mendaftar tetapi hanya sembilan aktif, dan ini sememangnya di bawah pemantauan saya sejak memegang portfolio Hal Ehwal Agama Islam sebelum ini.

"Koperasi ditubuhkan dengan kepelbagaian tujuan, adakalanya bukan ditubuhkan untuk menjana keuntungan atau laba semata-mata sebaliknya bagi membantu memudahkan sekumpulan masyarakat membuat khidmat transaksi melalui sumber yang ada… koperasi mempunyai sistemnya sendiri dan pemantauan oleh pihak berkuasa jadi kebarangkalian untuk menyeleweng itu kurang.

"Justeru, misi saya adalah untuk memberi tumpuan kepada koperasi-koperasi komuniti ini bagi memajukan satu-satu kumpulan sedia ada," ulasnya.



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Menjelas lanjut mengenai hala tuju perancangan di bawah portfolio (koperasi) tersebut, Ahmad Zakiyuddin memaklumkan bahawa beliau akan menjalinkan kerjasama erat dengan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) iaitu sebuah badan yang ditubuhkan kerajaan untuk mewakili gerakan koperasi seluruh Malaysia.

"Bagi memajukan koperasi komuniti ini, saya akan bekerjasama dengan pihak SKM serta ANGKASA, dan melihat bagaimana sokongan daripada pihak Kerajaan Negeri boleh dihulurkan.

"Saya fikir lebih baik tumpukan kepada koperasi sedia ada terlebih dahulu, lihat apa masalah yang dihadapi dan sokongan diperlukan, mungkin kita juga akan galakkan mereka untuk menubuhkan pengurusan tetap agar koperasi ditadbir oleh pengurusan yang mantap dan bukannya diurus ahli lembaga sahaja.

"Di samping itu, kerjasama ini akan memudahkan koperasi untuk mendapat suntikan serta bantuan modal daripada pihak-pihak dan agensi bertanggungjawab yang memantau perjalanan koperasi berkenaan," katanya.

# Memperkasa program keusahawanan seni kreatif

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**INDUSTRI** pelancongan merupakan antara sektor paling teruk terkesan terutamanya daripada segi ekonomi akibat penularan COVID-19.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin berkata bahawa penutupan pintu sempadan antarabangsa sejak Mac lalu dilihat memburukkan keadaan industri pelancongan negeri.

"Bukan sahaja Pulau Pinang bahkan sektor pelancongan di negeri-negeri lain juga mengalami kesan yang sama.

"Namun sebagai Kerajaan Negeri, kita berusaha menampilkan pelbagai inisiatif bagi memperkasakan semula ekonomi khususnya dalam sektor pelancongan.

"Antaranya, kita mulakan kempen *'Experience Penang 2020'* yang diubah kepada 'Jom Experience Penang' dengan menyuntik elemen tempatan pada slogan terbabit bagi menggalakkan industri pelancongan berkembang dalam negara," ujar beliau dalam satu temu bual bersama-sama Buletin Mutiara baru-baru ini.

Dalam memperkasakan sektor pelancongan, kata Soon Hin, Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan persatuan-persatuan serta agensi pelancongan di negeri ini bagi mengembangkan lagi industri pelancongan domestik.

"Menerusi kerjasama ini, adalah diharapkan industri pelancongan Pulau Pinang mampu menarik lebih ramai kehadiran pelancong ke negeri ini.

"Antara agensi yang bekerjasama dengan Kerajaan Negeri termasuk *Expedia, Booking. Com*, Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA), Persatuan Pelancongan Cina Malaysia (MTCA) serta agensi-agensi lain," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.

Mengulas mengenai portfolio Ekonomi Kreatif yang baru dibentuk baru-baru ini, Soon Hin memberitahu bahawa Kerajaan Negeri kini dalam perancangan untuk melancarkan program keusahawanan seni kreatif.

Jelas beliau, program tersebut bertujuan memberi bimbingan kepada penggiat-penggiat seni kreatif di negeri ini untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

"Ini kerana, sebilangan daripada penggiat seni itu memang mahir dalam bidang diceburi tetapi dalam aspek keusahawanan mereka adalah agak ketinggalan.

"Jadi, kita mahu golongan ini mampu menjana lebih pendapatan dengan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

"Sebenarnya, Ekonomi Kreatif ini telah lama dimulakan di Eropah pada tahun 90-an sebelum berkembang kepada kebudayaan dan seterusnya menjadi ekonomi kreatif hasil daripada kreativiti manusia sendiri," jelasnya.

Mengulas lanjut, Soon Hin memberitahu bahawa melalui sektor ekonomi kreatif, aspek kebudayaan, seni serta warisan boleh diletakkan di bawah satu bumbung dan menjadi hab ekonomi.

Tambah beliau, melalui Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), badan terbabit turut menyeru agar pemuliharaan warisan, seni serta budaya sesebuah masyarakat dimanfaatkan melalui penggunaan teknologi terkini.



YEOH Soon Hin.

# PSDC sebagai 'pengeluar' tenaga berkemahiran

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



PROF. Dr. P. Ramasamy.

**KERAJAAN** Negeri komited untuk memperkasakan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) demi generasi masa hadapan yang lebih berdaya saing.

Menurut Timbalan Ketua Menteri II, Prof Dr. P. Ramasamy, perkara itu adalah penting dalam memastikan Pulau Pinang terus menjadi tumpuan bagi para pelabur sama ada tempatan mahupun antarabangsa.

"Pada asasnya, Kerajaan Negeri amat menitikberatkan STEM dalam menyemai minat para pelajar sejak di bangku sekolah rendah.

"Sebelum ini, kita juga berkolaborasi bersama-sama pihak sekolah dengan mengadakan pameran berkaitan STEM, cuma tahun ini tidak dapat diteruskan kerana pandemik COVID-19 yang melanda negara.

"STEM amat penting dan seperti diketahui umum, Pulau Pinang memang agak ke hadapan dalam memenuhi kehendak industri serta pelabur berbanding negeri-neger lain," ujarnya dalam satu temu bual bersama-sama Buletin Mutiara baru-baru ini.

Tambah Ramasamy, keyakinan pelabur terhadap sesebuah negeri turut mengambil kira faktor tenaga kerja berdasarkan kemahiran serta kepakaran dalam bidang berkaitan.

"Kebiasaannya pelabur lebih berminat dengan lokasi yang mampu menyediakan tenaga kerja berkepakaran, jadi kita perlu penuhi kehendak ekosistem ini dengan menyediakan platform terbaik untuk menyemai minat STEM demi masa depan lebih baik," ujarnya.

Ditanya mengenai penstrukturan semula portfolio Exco Kerajaan Negeri, menurut beliau, perubahan tersebut tidak terlalu drastik kerana apa yang lebih penting adalah barisan kepimpinan dapat bekerja dalam satu pasukan.

Portfolio baharu bagi Ramasamy dijenamakan sebagai, Pembangunan Modal Insan, Pendidikan dan Sains & Teknologi.

Mengulas mengenai Pembangunan Modal Insan, beliau menyatakan bahawa sehingga kini, Pulau Pinang memiliki 30 peratus tenaga kerja dalam bidang kemahiran.

Bagi memperkasakan kemahiran di negeri ini, Ramasamy berpendapat bahawa peranan *Penang Skills Development Centre* (PSDC) perlu diperkasakan lagi.

"Peranan PSDC sebagai 'pengeluar' tenaga berkemahiran perlu dibantu dengan lebih baik, kita boleh lihat misalnya bidang mekatronik yang berkembang pesat dalam ekosistem industri.

"Ini merupakan pelan jangka panjang untuk membangunkan Pulau Pinang sebagai Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara selaras dengan visi Penang2030," jelas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai itu.

Dalam tempoh pemulihan ekonomi kini, Ramasamy memberitahu bahawa tugasan beliau kini juga berkait untuk memantau kadar pengangguran di Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri sendiri telah mewujudkan *CAT Centre* yang menyediakan perkhidmatan pemadanan kerja antara majikan dan pekerja.

"Walau bagaimanapun, saya difahamkan bahawa kadar pengangguran di Pulau Pinang masih rendah iaitu lebih tiga peratus jika dibandingkan dengan peringkat Persekutuan pada kadar lima peratus," ulasnya.

# Manfaatkan teknologi, pastikan pelan jaminan makanan mampan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PANDEMIK** COVID-19 yang melanda tanah air ini sejak awal bulan Disember 2019 bukan sahaja telah mengubah cara hidup rakyat kepada 'normal baharu'.

Bahkan, seakan-akan turut mendorong pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menjenamakan hampir semua portfolio barisan Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang baru-baru ini.

Umpamanya, Dr. Norlela Ariffin kini merupakan Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan.

"Portfolio saya sebelum ini adalah MMK Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan.

"Jadi, bermula 15 September (2020), ada sedikit perubahan portfolio iaitu saya diberi tanggungjawab dalam berkaitan agroteknologi dan keselamatan makanan," jelasnya dalam bual bicara secara eksklusif pada 24 September lepas.

Norlela dipilih menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti pada 5 Mei 2020.

Beliau dikenali sebagai wakil rakyat yang sangat lantang dalam persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang terutama dalam isu melibatkan pembangunan luar bandar di kawasan yang diwakilinya.

Berbekalkan pengalaman tersendiri, beliau dilantik menjadi Exco pada 9 Mac 2020.

"Sebenarnya, Ketua Menteri nak menyusun semula portfolio supaya Pulau Pinang yang dicerminkan sebagai negeri memiliki keluasan tanah pertanian yang agak terhad, namun masih mampu menjana hasil pertanian begitu besar kerana adanya sokongan teknologi serta sebagainya.

"Begitu juga, apabila disebutkan jaminan makanan, ia akan mencerminkan portfolio ini bukan sahaja berkaitan hal pertanian bahkan merangkumi penternakan serta aspek jaminan makanan rakyat terutama selepas berlakunya COVID-19 ini," ujarnya.

Bertepatan dengan portfolio baharu ini, Norlela berkata bahawa beliau berhasrat untuk mengubah beberapa perkara dalam sektor agroteknologi negeri.

"Disebabkan pandemik COVID-19 ini, sudah banyak benda bertukar.

"Contohnya, banyak makanan untuk ikan dan haiwan diimport dari Brazil serta Amerika Selatan, jadi selepas terjadi COVID-19, kita kena lihat kembali bagaimana pelan untuk memastikan jaminan makanan adalah mampan.

"Apa yang telah saya bentangkan, dengan keluasan tanah pertanian yang kecil ini, kita kena menjana hasil yang tinggi, maka perlu guna teknologi seperti tanaman bertingkat *(vertical farming)*, ataupun, kita perlu belajar ternak ikan dalam kilang," ulasnya.

Bagi Norlela, amalan menternak ikan dalam kilang adalah lebih mesra alam berbanding menjejaskan ekosistem hutan paya bakau sedia ada.

Mengulas lanjut, Norlela menyatakan bahawa, sehingga kini, terdapat 22 ekar tanah pertanian di Taman Agro Permatang Pauh dekat Ara Kuda adalah begitu terhad untuk diusahakan oleh para petani, sementara menunggu tambahan 147 ekar tanah lain milik agensi Persekutuan.




DR. Norlela Ariffin.

"Oleh itu, kita kena manfaatkan teknologi, walaupun tanah pertanian kita terhad berbanding dengan pertanian yang ada permintaan tinggi, macam *Kairos Agriculture* iaitu ladang vanila pintar pertama negara," katanya.

Tambah Norlela, pihaknya turut akan mengadakan kerjasama lebih erat dengan semua kelompok nelayan pantai di negeri ini demi memastikan hasil mereka meningkat serta mengukuhkan lagi sektor jaminan makanan negeri.

"Apabila nak dibuat projek tambakan laut, kita semua tahu ia akan memberi kesan berantai kepada habitat laut disebabkan masalah kelodak dan sebagainya.

"Jadi, kita (Kerajaan Negeri) tidak mahu nelayan pantai berhenti melaksanakan aktiviti nelayan hanya disebabkan ada projek penambakan laut.

"Jadi, kita (Kerajaan Negeri) mesti mencari jalan bagaimana kita nak cari lubuk ikan yang lain pula dengan menggunakan teknologi pengesan ikan sonar *(fish finder)* untuk membantu nelayan-nelayan yang terjejas disebabkan projek penambakan laut ini.

"Saya sendiri telah memohon kepada menteri supaya tidak lagi membekukan lesen nelayan (yang dibuat) sejak 1985, nelayan pantai mesti macam di Korea Selatan iaitu dibantu mempunyai bot yang lebih besar supaya mereka boleh pergi lebih jauh lagi (dari kawasan tebus guna tanah).

"Bot nelayan pantai bukan sahaja mesti saiz besar, bahkan mereka mesti dibantu dengan kelengkapan alat pengesan lubuk ikan," ulasnya lagi sambil mengharapkan portfolio baharu ini menarik serta mencabar untuk direalisasikan.

# Bajet MBPP 2021 fokus kebersihan dan prasarana awam

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**



AR. Yew Tung Seang (barisan hadapan, tengah) bersama-sama barisan kepimpinan MBPP menunjukkan salinan Bajet 2021 MBPP sejurus sesi pembentangan di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) memberi penekanan terhadap lima fokus utama dalam perancangan bajet tahun hadapan membabitkan peruntukan sebanyak RM128.98 juta.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata, daripada RM128.98 juta, sebanyak RM59.94 juta atau 46.47 peratus diperuntukan untuk agenda kebersihan diikuti prasarana awam (RM54.43 juta, 42.20 peratus); kehijauan (RM7.92 juta, 6.14 peratus); selamat (RM5.17 juta, 4.01 peratus) dan sihat (RM1.52 juta, 1.18 peratus).

"Fokus pertama adalah agenda kebersihan yang mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MBPP amat komited mendukung Dasar Kebersihan Negara dengan membudayakan amalan kebersihan dalam kalangan masyarakat termasuk menggalakkan inisiatif sisa sebagai sumber pendapatan ke arah ekonomi kitaran serta meningkatkan kelestarian alam sekitar.

"Sejumlah RM54.98 juta diperuntukan untuk pengurusan sisa domestik termasuk menyediakan infrastruktur pengurusan sisa pepejal, dan RM50,000 adalah untuk mempromosikan program pengasingan sisa di punca.

"Bagi penswastaan kerja-kerja pembersihan, sebanyak RM4.19 juta diperuntukan dan RM700,000 untuk tujuan sanitasi awam serta pembelian barangan pembersihan dan kelengkapan tandas," jelasnya ketika membacakan teks ucapan Bajet 2021 di Dewan Bandaraya di sini 24 September lalu.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya MBPP, Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali; barisan Ahli Majlis MBPP serta Ketua-ketua Jabatan berkaitan.

Mengulas lanjut mengenai fokus utama Bajet 2021 MBPP, Tung Seang memaklumkan bahawa melalui agenda prasarana awam, sejumlah RM2.70 juta bakal digunakan bagi pendigitalan perkhidmatan ke arah pelaksanaan Data Raya Majlis (RM1.95 juta).

"(Hal ini termasuk) usaha membangunkan *Geographical Information System* (GIS) untuk perkongsian maklumat kepada orang awam (RM100,000); menyelenggara serta menaik taraf sistem analitik video CCTV (RM500,000) yang akan siap dipasang pada akhir tahun ini dan membantu mewujudkan komuniti pintar di bawah domain *'Smart Community'* (RM0.15 juta).

"Serentak itu, MBPP juga akan berusaha mengoptimumkan penggunaan kemudahan awam bagi manfaat jangka panjang pembayar cukai termasuk menaik taraf kemudahan pasar dan tandas; menambah baik kualiti hidup penduduk di premis penyewaan serta perumahan awam MBPP; menaik taraf infrastruktur jalan dan lalu lintas serta pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan warisan," katanya.

Dalam pada itu, melalui agenda kehijauan, Tung Seang memberitahu bahawa pihaknya akan terus membantu merealisasikan matlamat Kerajaan Negeri untuk menanam 100,000 pokok lagi bagi tempoh lima tahun yang mana 20,000 pokok akan ditanam setiap tahun bagi tujuan ini.

"Usaha ini adalah ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai Bandar Raya Dalam Taman dengan mengekalkan persekitaran bandar raya yang bersih dan indah.

"Seterusnya adalah (agenda) selamat dengan sejumlah RM5.17 juta diperuntukan bagi kerja-kerja menyelenggara 935 unit kamera litar tertutup (CCTV) sedia ada termasuk 22 unit CCTV yang dipasang bagi tujuan pemasangan tanah di kawasan cerun bukit.

"(Dan) terakhir adalah sihat yang mana peruntukan (RM1.52 juta) akan diagihkan melalui penganjuran aktiviti sukan dan rekreasi; program-program di bawah Local Agenda 21 (LA21), *Gender Responsive Participatory Budgeting* (GRPB) serta kesihatan awam," ulasnya.

Terdahulu, Tung Seang membentangkan belanjawan MBPP bagi tahun 2021 membabitkan nilai RM382.29 juta berbanding RM466.9 juta tahun ini, iaitu defisit sebanyak RM28.28 juta.

"MBPP mempunyai tiga punca hasil utama, dan bagi tahun 2021, sebanyak RM354.01 juta akan disumbangkan melalui hasil cukai dengan anggaran RM241.59 juta; hasil bukan cukai (RM93.34 juta) dan terimaan bukan hasil (RM19.08 juta).

"Manakala bagi anggaran perbelanjaan tahun 2021, MBPP memperuntukkan sejumlah RM382.29 juta merangkumi 89.07 peratus perbelanjaan mengurus dan 10.93 peratus perbelanjaan pembangunan," jelasnya.

Menjawab pertanyaan pemberita, Tung Seang akui terdapat penurunan hampir RM100 juta dalam hasil pendapatan yang dicadangkan untuk tahun 2021 berbanding tahun ini, RM451.7 juta.

"Unjuran tahun hadapan sememangnya dijangka berkurangan berdasarkan perkembangan semasa pandemik COVID-19 yang meninggalkan kesan terhadap semua industri dan turut menjejaskan pendapatan MBPP.

"MBPP menjangkakan pengurangan caj pembangunan hampir RM37 juta bagi tahun hadapan," responsnya.

Walau bagaimanapun, Tung Seang yakin bahawa Bajet 2021 dapat memenuhi objektif MBPP dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan yang lebih efektif kepada rakyat.

"Bajet ini akan memberi fokus kepada penyambungan projek-projek sedia ada dan mempertingkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan teras MBPP selaras dengan matlamat kami sebagai sebuah *'Compassionate Council'* walaupun berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19," ujarnya.

## Bajet 2021: MBSP tumpu tingkatkan hasil cukai, belanja hemah demi rakyat

**SEBERANG JAYA -** Belanjawan 2021 Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) memberi tumpuan terhadap meningkatkan kutipan hasil, pada masa yang sama memastikan perbelanjaan yang dibuat memberi kesan pengganda dalam ekonomi rakyat.

Menurut Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud, tumpuan tersebut mengambil kira realiti ekonomi yang kian mencabar serta kesan-kesan berantai daripada pandemik COVID-19 yang telah menjejaskan hampir semua pihak di Seberang Perai.

"Rentetan kemelesetan ekonomi negara, pendapatan MBSP menyusut sebanyak 19 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2019 disebabkan penurunan kutipan hasil cukai dan hasil bukan cukai.

"Bersandarkan pada dua tonggak utama dalam memulihkan dan mengukuhkan ekonomi iaitu meningkatkan kutipan hasil dan memastikan kecekapan perbelanjaan yang mana tumpuan akan diberikan terhadap perbelanjaan yang mempunyai kesan pengganda kepada ekonomi," jelasnya ketika membentangkan belanjawan tahunan tersebut di Menara Bandaraya MBSP di sini pada 28 September 2020.

Turut serta, Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmod, Ahli-Ahli Majlis serta barisan Ketua Jabatan bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Di samping itu, Rozali turut membentangkan lapan keutamaan teras belanjawan tahun hadapan iaitu:-

1. Kerja-kerja kebersihan dan kehijauan sebanyak RM95.6 juta diperuntukkan;
2. Mewujudkan ruangan hijau dan penyelenggaraan tempat awam -RM11.23 juta;
3. Perbelanjaan pengangkutan dan 'koridor hijau' - RM18.86 juta;
4. Penggunaan tenaga yang mampan - RM26.28 juta;
5. Memastikan kemampuan pemilikan rumah kediaman bagi meningkatkan kualiti hidup - RM4.38 juta;
6. Ketahanan perubahan iklim - RM16.11 juta;
7. Kesejahteraan kakitangan - RM7.6 juta; dan
8. Pembaharuan institusi - RM17.43 juta.

Bagi tahun 2021, beliau mencadangkan peruntukan bajet sejumlah RM333.22 juta berbanding RM299.25 juta anggaran pendapatan, dengan jumlah defisit sebanyak RM33.97 juta.



**SR. Rozali Mohamud (tengah) bersama-sama Ir. Rosnani Mahmod (dua dari kiri) dan barisan Ahli Majlis memerhatikan dokumen berkaitan sejurus pembentangan Belanjawan 2021 MBSP di sini baru-baru ini.**

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 11014
Peminjam : NOR FARANI BINTI ABDUL RAHIM - 85051907****
5902 (A) PERMATANG PAK MARAS 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : NORIZAN BINTI ABU BAKAR - 68033107****
NO. 781 PERMATANG PAUH 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : KARIM BIN DALI - 69062307****
TS 9891 RANTAU PANJANG 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11031
Peminjam : LOGENDREN A/L UMABATHY - 89040807****
NO. 10 TINGKAT MUHIBBAH 2, B GARDEN 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : MARTHA A/P SEBASTIAN - 64031308****
3-05-A LORONG PERUSAHAAN BARU 2E, TAMAN PERAI INDAH 13700 PERAI
Penjamin 2 : UMABATHY A/L PACKIRISAMY - 56080107****
3-05-A LORONG PERUSAHAAN BARU 2E, TAMAN PERAI INDAH 13700 PERAI

No Akaun : 11055
Peminjam : NUR NAJAMUNA BINTI BOHARI - 88092535****
NO.1184 MUKIM 20, KUBANG ULU, PENANTI 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ROZITA BINTI BOHARI - 73122607****
11A LORONG KOPERASI 1, TAMAN KOPERASI GURU 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : HAKIMI BIN SAMAN - 76120609****
6375 MUKIM 20, KUBANG ULU 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11057
Peminjam : MOHD RAZIF BIN SEHUD DAAUD - 86031835****
BLOK C-2-16 LENGKOK MAK MANDIN, TAMAN SUKARIA, MAK MANDIN 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : SHARIFAH BINTI AHMAD - 64101002****
BLOK C-2-16 LENGKOK MAK MANDIN, TAMAN SUKARIA, MAK MANDIN 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : MOHAMAD SHAHARIL BIN MOHAMAD SAAD - 86073035****
BLOK 3-4-01, FLATS HIJAU MAK MANDIN 13400 BUTTERWORTH

No Akaun : 11075
Peminjam : TEH NAJUAHANIE BT MUHAMMAD TERMIZI - 88012935****
7 LORONG MURNI 26, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : JAMALUDIN BIN OTHMAN - SM/94***
BLOK F1-2-4 JALAN JAMBU LAUT, KUARTERS POLIS IPD SEB PERAI UTARA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : SALEH BIN RAMLI (K/104235) - K/104***
CAWANGAN KERETA PERONDA (MPV), IBU PEJABAT POLIS DAERAH MANJUNG 32200 LUMUT, PERAK

No Akaun : 11094
Peminjam : NORAISYAH BINTI ISHAK - 83050907****
NO.6269 PULAU MERTAJAM 13110 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : ROZALI BIN SAUD - 60052302****
B233 LORONG CENDANA 3 , TAMAN CENDANA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 2 : MOHD RADZI BIN ABU - RFT6***
196 LORONG 1/2 B, TAMAN KANGKONG 09600 LUNAS, KULIM, KEDAH

No Akaun : 11118
Peminjam : CHUANG KOK HOW - 87061307****
NO. 35 TINGKAT SUNGAI ARA 2, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHUANG AH CHOONG - 55120907****
NO. 35 TINGKAT SUNGAI ARA 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHUANG GAIK YAP - 81082507****
NO.35 TINGKAT SUNGAI ARA 2, 11900 BAYAN LEPAS , PULAU PINANG

